



## **UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK AZWAR BIN KAMARUZAMAN  
PENULIS NOVEL

OLEH:

NUR 'ARIFAH BT BAHAR	2013377795
INTAN NORHASYIMAH BT ABD HALIM	2013726477

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JUL 2015)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK AZWAR BIN KAMARUZAMAN  
PENULIS NOVEL

OLEH:

NUR 'ARIFAH BT BAHAR	2013377795
INTAN NORHASYIMAH BT ABD HALIM	2013726477

PROJEKINI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN  
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JUL 2015)

# PENGHARGAAN

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum w.b.t. terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Yang Maha Esa, Allah S.W.T kerana akhirnya kami dapat melengkapkan Projek Sejarah Lisan ini dengan jayanya. Tidak dinafikan, berbagai kekangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran kami dan pertolongan-Nya, kami dapat atasi masalah yang melanda.

Jutaan terima kasih kami tujukan kepada pensyarah kami untuk subjek IMR 603 – Documenting Oral History (Sejarah Lisan), Puan Nurulannisa Abdullah yang telah memberikan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi kami segala tunjuk ajar untuk meyiapkan projek ini. Terima kasih yang tidak terhingga lagi sekali di atas dorongan beliau dan kami amat menghargainya.

Encik Azwar Kamaruzaman, tokoh yang kami hormati dan setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama yang beliau berikan. Kami tidak mungkin akan dapat menghasilkan transkrip yang sebegini lengkap dan bernilai ini tanpa kerjasama dan bantuannya.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua yang terlibat secara langsung atau pun tidak langsung, ibubapa serta rakan-rakan seperjuangan yang memberikan sedikit sebanyak tunjuk ajar kepada kami di dalam menghasilkan projek transkrip temubual ini.

Sekian, terima kasih.

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	iii
Abstrak.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
<b>Transkrip</b>	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	1
Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan Tokoh.....	6
Bahagian 3: Kerjaya Tokoh.....	14
Bahagian 4: Pengcapaian Tokoh.....	57
<b>Lampiran</b>	
Log Wawancara.....	69
Diari Kajian.....	77
Senarai soalan.....	82
Surat Perjanjian.....	87
Gambar.....	89
Indeks.....	92

# ABSTRAK

## **ABSTRAK**

### **Transkrip Temubual Bersama Encik Azwar Kamaruzaman Mengenai Pembabitan Beliau Dalam Bidang Penulisan.**

**Abstrak:** Transkrip ini mengandungi temubual bersama Encik Azwar Kamaruzaman mengenai kerjaya beliau dalam bidang penulisan yang sudah hampir 3 tahun berkecimpung dalam bidang ini. Transkrip temubual ini dijalankan di dalam dalam bilik perbincangan, Perpustakaan Awam Baling, Kedah pada 2 Jun 2015 bermula jam 4.00 petang hingga 5.30 petang. Beliau merupakan salah seorang penulis termuda di syarikat penerbitan Lejen Press. Transkrip ini menyentuh serba sedikit tentang latar belakang beliau serta pengalaman beliau sebagai penulis. Selain itu, temubual ini menumpukan tentang pencapaian beliau dalam bidang penulisan. Selain itu, beberapa pesanan dan tips beliau kepada penulis-penulis yang ingin menceburi bidang penulisan ini serta pendapat mengenai bidang penulisan di negara kita.

Kata kunci: Azwar Kamaruzaman, pelajar, penulis, bidang penulisan, novel, Lejen Press.

# **BIODATA TOKOH**

## **BIODATA TOKOH**



**Nama:** Mohamad Azwar Bin Kamaruzaman

**Umur:** 21 tahun

**Alamat:** 16A Kampung Jerai, 09200 Kupang, Baling,  
Kedah.

**Tarikh lahir:** 16 Disember 1994

**Tempat lahir:** Hospital Baling, Kedah.

**Pendidikan:** Bachelor (Hons) Law & Commerce, MSU.

**Pekerjaan:** Pelajar, penulis separuh masa.

**Status:** Bujang

**Pencapaian:** Penulis best-seller Lejen Press.

**Nama buku yang telah diterbitkan:** Novel BABI: Bercinta Di Balik Api,  
Nasi Kangkang, Saka & Antologi Sepuluh Jahanam.

# **PENGENALAN**

## **PENGENALAN**

Transkrip temubual bersama Encik Azwar Kmaruzaman ini telah dijalankan pada 2 Jun 2015 di Perpustakaan Awam Baling, Kedah. Tujuan temubual ini dijalankan adalah mengenai kerjaya beliau dalam bidang penulisan yang sudah hampir 3 tahun berkecimpung dalam bidang ini.

Encik Azwar Kmaruzaman atau nama sebenarnya Mohamad Azwar Bin Kamaruzaman telah dilahirkan di Hospital Baling, Kedah pada tarikh 16 Disember 1994 bermula jam 4.00 petang hingga 5.18 petang. Beliau merupakan anak pertama daripada orang adik-beradik dan masih lagi belum berumah tangga.

Transkrip temubual ini dijalankan selama satu jam lapan belas minit, temubual ini menumpukan tentang pencapaian beliau dalam bidang penulisan. Walaupun baru mencecah 3 tahun berkecimpung dalam bidang ini, tetapi pencapaian beliau agak memberansangkan.

Beliau memulakan pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Syed Sheh, Kupang, Baling, Kedah hingga tamat darjah enam. Kemudian meneruskan peringkat menengah di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah sehingga tingkatan tiga. Kemudian ditawarkan ke Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi (SBPI) Kubang Pasu ketika tingkatan empat sehingga tamat tingkatan lima. Beliau dilantik untuk jawatan Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) ketika di sekolah.

Permulaan kerjaya beliau bermula ketika berumur 10 tahun lagi beliau sudah berjinak dalam bidang penulisan. Karya beliau pernah diterbitkan di surat khabar. Tetapi secara rasminya kerjaya beliau bermula ketika berumur 18 tahun dengan cerpen pertama bersama sebuah penerbitan alternatif iaitu Hitam Press. Setelah hamper 4 tahun berkecimpung dalam bidang penulisan ini, beliau telah menghasilkan sebanyak empat buah novel. Antara novel beliau adalah novel BABI: Bercinta Di Balik Api, novel Saka, novel Nasi Kangkang dan Antologi Sepuluh Jahanam.

Beliau masih menuntut di Management And Scince University (MSU) dalam bidang undang-undang. Bidang ini merupakan bidang yang beliau minati kerana katanya “kita sentiasa dikelilingi dengan undang-undang”. Dalam sibuk menghadiri kelas, beliau pandai membahagikan masa untuk menulis. Beliau tidak mengabaikan pelajaran beliau.

Dalam sesi temubual ini juga beliau telah berkongsi serba sedikit tentang kerjaya yang beliau idamkan sebelum bergelar penulis. Cita-cita beliau ketika kecil adalah untuk menjadi seorang wartawan perang. Apabila ditanya kenapa memilih kerjaya tersebut beliau berkata beliau begitu gemar bidang kewartawanan. Baginya kerjaya itu sangat mencabar kerana mereka akan pergi ke zon perang untuk melihat apa yang sedang berlaku secara langsung.

Pesanan beliau kepada bakat-bakat muda di luar sana yang ingin menjadi penulis, pergi lah ke Lejen Press. Melalui penulisan, kita dapat mengenal siapa diri kita yang sebenarnya serta dapat menilai cara penulisan kita. Dalam masa yang sama, kita juga dapat menyebarkan dakwah melalui penulisan tersebut. Selain dapat membaca karya penulis, pembaca juga mendapat ilmu yang berfaedah daripada situ.

# **TRANSKRIP**

# TRANSKRIP

Berikut merupakan rakaman temubual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Intan Norhasyimah Abdul Halim dan Nur ‘Arifah Bahar bersama Encik Azwar Kamaruzaman mengenai penglibatan serta pencapaian beliau dalam bidang penulisan. Temubual ini telah dijalankan di Perpustakaan Awam Baling, Kedah pada tarikh dua haribulan Jun dua ribu lima jam empat petang. Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

AK: Azwar Kamaruzaman  
IN: Intan Norhasyimah  
NA: Nur ‘Arifah

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

- IN : Boleh ceritakan *tak* [tidak] serba sedikit tentang latar belakang encik?
- AK : Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Pertama sekali saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak pelajar *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] kerana sudi menjemput saya untuk menemubual dan untuk menyiapkan tugas *ni* [ini]. Dari segi latar belakang, nama penuh saya adalah Mohamad Azwar Bin Kamaruzaman. Nama gelaran saya ataupun nama pena yang dapat daripada buku; Azwar Kamaruzaman untuk di Lejen Press lah. Untuk di syarikat-syarikat lain ada *jugak tapi* [juga tetapi] -- *ni tak official* [ini tidak rasmi] lagi *tapi* [tetapi] akan diadakan. Biarlah benda *tu* [itu] keluar dulu

baru kita *official* [rasmi] kan. Setakat *ni* [ini] nama gelaran atau nama pena *tu* [itu] Azwar Kamaruzaman lah. Umur saya sekarang kalau ikut tahun *dua puluh satu* [21]. *Tapi* [tetapi] kalau ikut bulan *tak* [tidak] sampai lagi lah sebab saya lahir bulan Disember. Tarikh lahir saya *enam belas* [16] Disember *sembilan belas sembilan puluh empat* [1994]. Dan saya telah dilahirkan di Hospital Baling, Kedah. Dari segi cerita saya dibesarkan *ni* [ini] agak panjang sebab mula-mula -- Disebabkan ayah saya seorang askar, jadi *kita orang* [kami] memang banyak bergerak. *Tapi* [tetapi] saya dibesarkan secara keseluruhannya di Baling, Kedah. *Tapi* [tetapi] pada umur saya dalam *lima* [5] tahun sehingga darjah *tiga* [3] saya memang dibesarkan di Taiping, Perak.

**IN : Dan sekarang encik tinggal bersama keluarga atau--**

**AK : Sekarang *ni* [ini] sebab saya *study* [belajar] dekat Shah Alam, *so* [jadi] saya tinggal -- rumah sewa dekat Shah Alam. Tinggal rumah sewa *so tak* [jadi tak] tinggal dengan *family* [keluarga] lah sebab *family* [keluarga] ada dekat sini.**

**IN : Nama ibu bapa encik?**

**AK : Nama ibu saya Hamidah Binti Abdul Wahab dan nama ayah saya Kamaruzaman Bin Hasyim.**

- IN : Encik ada berapa orang adik-beradik?
- AK : Saya ada *tiga* [3] orang adik-beradik dan saya merupakan anak yang pertama daripada *tiga* [3] orang adik-beradik.
- IN : Dalam adik beradik, dalam keluarga encik paling rapat dengan *sapa* [siapa]?
- AK : Kalau dengan *family ni* [keluarga ini] saya paling rapat dengan *parents* [ibu bapa] saya lah, dengan ayah dengan mama. *And then kita orang* [dan kemudian kami] -- Saya pun rapat juga dengan saya punya nenek.
- IN : Apakah hobi encik pada masa lapang?
- AK : Hobi saya yang pertama menulis lah kan. *Tapi* [tetapi] kalau *tidak* [tidak] buat penulisan *tu* [itu] mungkin -- membaca buku *tidak* [tidak] pun saya cari maklumat atau pun *search* [cari] Internet, macam-macam. *Ha* [ya] macam *tu* [itu] lah.
- IN : Apakah status encik sekarang *ni* [ini]?
- AK : Status? (ketawa) Status -- *single* [bujang] lagi lah. (ketawa)

**IN** : Ada perancangan untuk menamatkan zaman bujang dalam masa yang terdekat?

**AK** : *Tak de* [tidak ada] kut. Sebab perancangan saya umur *tiga puluh* [30] baru saya  
— (ketawa) (berdehem)

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN TOKOH**

- NA : Bagaimana pula latar belakang pendidikan encik?
- AK : Dari segi pendidikan, pendidikan awal saya bermula pada umur *lima* [5] tahun di Taski Abbim, Taiping Perak sampai umur *enam* [6] tahun. Kemudian, darjah *satu* [1] di Sekolah Kebangsaan Sultan Yusuf sebuah sekolah untuk anak-anak askar. *And then* [dan kemudian] darjah *dua* [2] ditukarkan ke Sekolah Kebangsaan \_ \_\_. *And then* [dan kemudian] darjah *tiga* [3] balik ke kampung *follow* [ikut] mak sekolah di Sekolah Kebangsaan Syed Sheh, Kupang, Baling, Kedah sampai darjah *enam* [6]. *Lepastu* [selepas itu] dapat *offer* [tawaran] ke Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kedah. *Lepastu empat* [selepas itu 4] bulan *lepastu* [selepas itu] dapat *offer* [tawaran] lagi pergi SBPI [Sekolah Berasrama Penuh Intergrasi] Kubang Pasu. *So* [jadi] tamatkan *form five* [tingkatan 5] sampai dekat situ. *Lepas form five* [selepas tingkatan 5] sambung Asasi Undang-undang dekat *UiTM* [Universiti Teknologi MARA]. *Lepastu* [selepas itu], sambung sekejap dekat Ijazah *International Business* [Perniagaan Antarabangsa] *UiTM* [Universiti Teknologi MARA], *lepastu* [selepas itu] macam *tidak* boleh *nak* [hendak] bawa *and then* [dan kemudian] dapat *offer* [tawaran] *MARA* [Majlis Amanah Rakyat] pula pergi sambung *law* [undang-undang] dekat *Management And Scince University* [MSU].
- IN : Azwar ambil *International Business* [Perniagaan Antarabangsa] dekat

**mana?**

AK : Dekat *UiTM* [Universiti Teknologi MARA]. *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] Merbok *tapi tak* [tetapi tidak] *grade* [graduasi] lah setahun *je* [sahaja].

IN : **Oh setahun *je* [sahaja].**

AK : *A'ah* [ya] setahun *je* [sahaja]. \_ \_ \_ macam *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] bawa kan.

IN : **Masuk dari semester *satu* [1] lah?**

AK : *A'ah* [ya] semester *satu* [1].

IN : **Sekarang dekat?**

AK : Sekarang dekat *MSU* [Management And Scince University] dalam bidang undang-undang.

NA : **Ketika di tingkatan *empat* [4] dan *lima* [5] encik ambil aliran apa? Sains atau sastera?**

AK : Sekolah saya dulu ada satu aliran *je* [sahaja], aliran Sains. *So* [jadi] mahu *tak*

[tidak] mahu, minat *tak* [tidak] minat memang dipaksa ambil aliran Sains melainkan kita keluar sekolah. *Tapi* [tetapi] dalam sekolah saya *tu* [itu] ada tiga cabang Sains. Sains Agama, Sains Tulen dan Sains Teknikal dan saya pilih untuk ambil Sains Agama dan terpaksa hadap *sebelas* [11] subjek dan *tiga* [3] yang paling saya *tak* [tidak] suka lah.

NA : **Ok. Encik aktif di zaman persekolahan?**

AK : Aktif? Aktif dari segi aktiviti-aktiviti kokurikulum *tu* [itu] memang saya *tak* [tidak] aktif langsung. Orang *tak* [tidak] pernah kenal saya siapa maksudnya kehadiran saya *kat* [dekat] sekolah *tu* [itu] memang orang *tak* [tidak] pernah sedar pun lah. Ada pun orang perasan tiada pun orang *tak* [tidak] perasan macam *tu* [itu] lah.

NA : **Matapelajaran yang encik minat?**

AK : Kalau waktu sekolah dulu saya memang minat subjek Sejarah. Walaupun benda *tu* [itu] orang cakap *boring tapi* [bosan tetapi] saya memang suka sejarah sebab *ye* [ya] lah sejarah kan macam cerita-cerita *something* [sesuatu] yang dulu-dulu. *Then* [kemudian] selain daripada Sejarah saya memang minat Bahasa Melayu lah.

- NA : **Bahasa Melayu. Masa sekolah pegang jawatan apa-apa?**
- AK : Dari segi jawatan kalau untuk kepimpinan pelajar saya dilantik untuk jawatan *Pembimbing Rakan Sebaya* [PRS]. PRS dekat sekolah saya *tu* [itu] macam anatara badan kepimpinan pelajar yang sama taraf macam pengawas, pengawas sekolah, badan dakwah *tapi* [tetapi] saya dilantik untuk menjadi PRS lah.
- NA : **Adakah itu pencapaian tertinggi di zaman persekolahan?**
- AK : Saya *tak* [tidak] rasa itu pencapaian tertinggi. Saya *tak* [tidak] tahu apa *the highest achievement* [pencapaian tertinggi] sebab dekat sekolah saya memang *tak* [tidak] aktif langsung dan saya rasa tidak ada pencapaian terbaik kut dekat sekolah. *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] pun biasa-biasa *je* [sahaja].
- NA : **Ok setelah tamat persekolahan adakah encik terus menyambung pelajaran atau berkerja dahulu?**
- AK : Selepas saya *SPM* [Sijil Pelajaran Malaysia] *then* [kemudian] saya terus dapat *offer* [tawaran] daripada *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] dan bulan *enam tu* [itu 6] terus *proceed* [sambung] ke Asasi *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] lah. Saya *tak* [tidak] kerja sebelum *tu* [itu].

NA : Ok apakah pendapat encik tentang bidang *Law* [Undang-undang] yang encik dapat *tu* [itu]?

AK : Bidang *Law* [Undang-undang]? Ok saya pernah ambil bidang *Business* [Perniagaan] dengan bidang *Law* [Undang-undang] *ni* [ini], bagi saya bidang Undang-undang *ni* [ini] paling menarik lah *nak* [hendak] *compare* [banding] dengan bidang *Business* [Perniagaan]. Sebab bidang Undang-undang *ni* [ini] kita boleh tahu macam-macam benda sebab setiap hari kita terpaksa hadap dengan undang-undang dan kita sentiasa dikelilingi dengan undang-undang. Jadi benda *tu* [itu] akan jadi lebih menarik sebab kalau kita buat dengan cara yang betul dan cara yang hebat hasil dia pun akan hebat juga. Maksudnya dari segi pendapatan.

NA : Seterusnya, bagaimanakah pencapaian encik di universiti?

AK : Kalau di universiti mungkin selepas kesedaran daripada SPM *tu* [itu] saya *just strungle* [hanya berusaha] sikit untuk *first sem tu* [semester pertama itu]. *First sem tu* [semester pertama itu] Alhamdulillah dapat dekan *dean list* [senarai dekan] cuma dekat waktu semester kedua *tu* [itu] macam main-main sikit, kurang *kosong point tiga* [0.3] untuk dapat *dean list* [senarai dekan]. So [jadi] macam secara keseluruhannya pointer saya waktu asasi *tu* [itu] macam memberi impak kepada saya untuk sambung *study* [belajar] dekat *MSU* [Management And Scince University] dengan tawaran daripada *MARA* [Majlis Amanah Rakyat].

- NA : Semasa belajar di universiti apakah yang encik lakukan untuk mendapat pendapatan lebihan? Contohnya *side income* [pendapatan sampingan].
- AK : Oh kalau selain daripada penulisan, setakat *ni* [ini] saya ada bagi *talk* [ceramah]. *Talk* [ceramah] tentang penulisan *and then motivate* [dan kemudian motivasi] pergi ke kalau ada orang panggil untuk bagi motivasi tentang belajar sambil bekerja semua *tu* [itu] ada juga rezeki macam *tu* [itu]. Semua *tu* [itu] dibayar boleh dikatakan *side income* [pendapatan sampingan] juga lah.
- NA : Apakah perkara paling nakal pernah encik lakukan ketika zaman persekolahan dan zaman universiti?
- AK : Oh kalau dekat sekolah benda paling nakal sebab orang macam sedar kalau saya buat jahat pun orang macam *tak* [tidak] perasan kehadiran saya. *So* [jadi] saya memang selalu buat jahat *tapi tak* [tetapi tidak] pernah kantoi lah. Yang memang saya selalu buat *ni* [ini] lah, kan kalau dekat asrama dulu memang wajib turun Subuh. Sembahyang jemaah Subuh memang adalah seminggu *tu* [itu] sekali *je* [sahaja] kut saya pergi. (Ketawa). *Tapi tak* [tetapi tidak] tahu lah memang *tak* [tidak] pernah kantoi kalau orang *check* [periksa] pun orang *tak* [tidak] perasan. Kalau dekat universiti pula kan *tak de* [tidak ada] benda yang nakal sangat pun sebab *tak* [tidak] tahu pun *nak* [hendak] cakap macam mana. *Tapi* [tetapi] pernah lah.

- IN : Kena tahan pak *guard* [pengawal keselamatan].
- AK : Pernah lah kan *UiTM* [Universiti Teknologi MARA] Merbok *tu* [itu] macam dia ada *limit* [had] juga masuk lambat, *tak* [tidak] boleh masuk lambat. Macam sekumpulan kita orang *tu* [itu] --
- NA : **Masuk lambat.**
- AK : Memang lompat pagar sebab malas *nak* [hendak] hadap polis bantuan. (Ketawa).
- NA : **Kantoi *tak* [tidak]?**
- AK : *Tak* [tidak] kantoi.
- NA : Apakah kenangan manis yang encik sukar lupakan pada zaman persekolahan dan universiti?
- AK : Kalau zaman persekolahan, benda yang paling manis bagi saya kawan-kawan lah dengan kawan-kawan itu *je* [sahaja] lah. Kalau dekat universiti, perkara paling manis bila macam mana \_ \_ \_ \_ saya rasa bila dapat penghargaan anugerah dekan.
- NA : **Ketika sem berapa?**

**AK** : Semester pertama.

**NA** : Oh semester pertama.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

### **BAHAGIAN 3: KERJAYA TOKOH**

**IN : Tentang kerjaya pula, boleh Encik Azwar ceritakan bagaimana kerjaya encik sebagai seorang penulis ni [ini] bermula?**

**AK : OK. Sebenarnya saya bermula dalam bidang penulisan *ni* [ini] secara *tak* [tidak] langsung bermula pada umur *sepuluh* [10] tahun. Saya *dah start* [sudah mula] menulis umur *sepuluh* [10] tahun. *Tapi* [tetapi] secara -- *official* [rasmi], secara rasminya maksudnya ada karya, beberapa karya saya diterbitkan dalam *mainstream* [arus perdana] punya *paper* [surat khabar] macam Berita Harian, Utusan Malaysia sewaktu umur saya *dua belas* [12] tahun dan semua karya *tu* [itu] dibayar -- *officially* [secara rasmi]. *Tapi* [tetapi] -- perjalanan sebagai seorang penulis *ni* [ini] bermula ketika saya umur *lapan belas* [18] dengan cerpen pertama, dengan sebuah penerbitan alternatif iaitu Buku Hitam Press. Semenjak pada *tu* [itu] saya macam *develop then* [berkembang kemudian] hasilkan novel. Novel pertama saya pada umur saya *lapan belas* [18] tahun juga bulan *lima* [5] *dua ribu tiga belas* [2013]. *Then* [kemudian] semenjak *tu* [itu] sampai sekarang *ni* [ini], sudah beberapa tahun dah menghasilkan *empat* [4] buah novel lah. Macam *tu* [itu] lah kerjaya saya bermula. (berdehem)**

**IN : Sudah berapa lama encik terlibat dalam dunia penulisan?**

**AK : Kalau penulisan novel baru *tiga* [3] tahun. *Tapi* [tetapi] kalau dari segi penulisan**

yang betul-betul penulisan lebih dalam *sepuluh* [10] tahun juga lah.

IN : *So [jadi], apa yang menarik minat encik untuk menjadi seorang penulis?*

AK : Sebenarnya saya sendiri pun *tak tau* [tidak tahu] apa yang menarik minat saya kan sebab tiba-tiba benda *tu* [itu] terjadi secara *tak* [tidak] langsung, *tak* [tidak] pernah rancang pun *nak* [hendak] jadi penulis, iaitu penulis novel lah maksudnya. *Tapi* [tetapi] apa yang saya sedar, benda yang menarik minat saya untuk menulis adalah saya boleh menulis benda yang saya *nak* [hendak] sampaikan atau pun saya *nak* [hendak] luahkan sesuatu pada orang, saya boleh sampaikan secara penulisan. *Tak* [tidak] kisah lah benda *tu* [itu] dari segi, kalau saya *nak* [hendak] maki orang ke, *nak* [hendak] marah orang ke, *tapi* [tetapi] saya beradab dan saya nampak benda *tu* [itu] melalui penulisan lah. Benda *tu* [itu] lah yang menarik minat saya sebenarnya.

IN : **Bagaimana encik membahagikan masa antara belajar dengan menulis supaya pelajaran *tak* [tidak] terabai?**

AK : Kalau dulu dari segi kalau cerpen sebab cerita pendek dia macam senang. Dalam masa *dua* [2] jam pun *dah* [sudah] boleh *settle* [siap]. *Tapi* [tetapi] kalau novel saya memang betul-betul disiplin. Kalau dulu dalam *nak* [hendak] menghasilkan novel pertama dan kedua, saya memang bahagikan masa sehari wajib tulis *dua*

*ribu* [2000] perkataan atau pun saya ambil masa selama *dua* [2] jam duduk depan komputer *and then* [dan kemudian] saya akan tulis lah. Dan -- *tapi* [tetapi] sekarang disebabkan sibuk dengan *study and then* [belajar dan kemudian] ada kalau orang panggil pergi *event* [majlis], kena pergi *event promotion* [majlis promosi] semua, saya akan wajibkan diri saya tulis waktu hujung minggu sekurang-kurangnya *empat* [4] jam wajib tulis. Dan benda *tu* [itu] kalau saya buat saya *tak kan* [tidak akan] kacau benda lain. Dan *week days* [hari minggu] hari kelas saya *tak kan* [tidak akan] kacau langsung tentang penulisan lah. Maksudnya saya *tak kan* [tidak akan] ambil tahu langsung tentang penulisan lah. *Ha* [ya] macam *tu* [itu] lah saya bahagi masa.

IN : OK, siapakah orang yang banyak mempengaruhi personaliti dan peribadi encik?

AK : Dari segi persoaliti dan peribadi *ni* [ini] saya rasa *family* [keluarga] saya lah banyak yang *create my* [cipta saya punya] personaliti. Banyak yang membentuk saya. Semua *family* [keluarga] saya, ayah dan mak saya *and then* [dan kemudian], sebab *family* [keluarga] saya macam -- antara *family* [keluarga] saya *tu* [itu] besar pula macam Pak Teh ada semua kan, Pak Long semua *dia orang* [mereka] banyak bagi -- pembentukkan pada diri saya lah macam *tu* [itu]. Dan juga sepupu-sepupu saya pun banyak yang bantu saya dalam personaliti dan peribadi lah.

- IN : *So [jadi], dalam family [keluarga] ada tak [tidak] yang jadi [menjadi] seorang penulis?*
- AK : Setakat *ni* [ini] saya seorang *je jadi* [sahaja jadi] penulis dalam *family* [keluarga].

- IN : **Siapakah penulis Malaysia yang encik paling kagumi?**
- AK : Yang paling saya kagumi, Ramli Awang Murshid lah. Saya memang *respect* [hormat] betul-betul dekat dia lah.

- IN : **Kenapa?**
- AK : Sebab kalau -- Saya memang ada semua koleksi novel dia daripada dia mula -- mula sampai habis. Benda yang paling saya minat dan paling *ni* [ini] adalah dia seorang penulis *thriller* [ngeri] yang cerita dia memang lain daripada yang lain. Maksudnya cerita *thriller* [ngeri] dia, dan setiap cerita yang dia tulis *tu* [itu] ada isi dan juga ada ilmu. Maksudnya bila kita baca buku dia, kita *tak kan* [tidak akan] membaca sahaja. Kita akan dapat ilmu serba sedikit daripada dia. Dan daripada buku dia *tu* [itu] saya tahu yang beliau merupakan seorang penulis yang rajin, rajin buat kajian, rajin baca buku orang lain. Dan dia juga -- Dulu saya fikir dia *tak* [tidak] pernah baca buku-buku karya alternatif. Dan *once* [sekali] dia beli buku saya dan dia baca dan dia komen baru saya tahu rupa-

rupanya dia baca semua buku. Beliau baca semua buku. *Tak* [tidak] kisah genre apa pun. Dan saya pernah berjumpa dengan beliau dan beliau cakap “Kita sebagai penulis jangan pernah mendiskriminasikan mana-mana buku sebab kita *tak* [tidak] tahu buku *tu* [itu] sebenarnya mampu beri kita inspirasi. Dan kadang-kadang buku *tu* [itu] lah yang akan membentuk personaliti kita sebagai seorang penulis.” (berdehem)

IN : Boleh terangkan *tak* [tidak] konsep penulisan encik?

AK : OK, kalau konsep apa yang saya faham, konsep dari segi genre lah kan atau pun gaya penulisan, saya lebih suka kepada *thriller* [ngeri]. *Thriller* [ngeri] pula saya lebih suka kepada *family love* [percintaan kekeluargaan] atau pun percintaan terhadap kekeluargaan dimana saya lebih suka menceritakan tentang masyarakat kita dan daripada *tu* [itu] berkaitan dengan *family* [keluarga]. Kalau baca karya-karya saya kebanyakannya lebih berkisarkan *family* [keluarga] lah. Dan dalam cerita saya *tu* [itu] mesti ada elemen bunuh-membunuh, ada sedikit elemen seksual, dan juga sedikit elemen -- orang cakap apa -- keagamaan. *Something like that* [seusatu macam itu]. *Then blend* [kemudian campur] semua *tu* [itu] jadi lah satu -- saya punya gaya penulisan sendiri.

IN : Sebelum *ni* [ini] pernah ikut mana-mana bengkel atau kursus penulisan

**atau pun dapat bimbingan dari sesiapa tentang teknik, prinsip dan kaedah menulis?**

AK : Dari segi -- Seingat saya, saya *tak* [tidak] pernah lah. Saya *tak* [tidak] pernah *join* [sertai] mana-mana *workshop* [bengkel] ke, *tak* [tidak] pernah ke mana-mana seminar ke. Teringin juga *nak join* [hendak sertai] sebenarnya. *Nak* [hendak] tengok macam mana gaya penulisan yang sebenar. *Tapi* [tetapi] sampai sekarang orang *je* [sahaja] yang panggil bagi *workshop* [bengkel] kan. *Tapi* [tetapi] setakat *ni tak* [ini tidak] pernah *join* [sertai] mana-mana *workshop* [bengkel] lagi lah.

IN : **Setakat *ni* [ini] berapa buah buku yang encik sudah tulis?**

AK : Setakat *dua ribu* [2000] sampai *dua ribu lima belas* [2015] saya *dah* [sudah] tulis *empat* [4] buah buku iaitu buku saya sendiri. *Tapi* [tetapi] kalau secara rasminya lah. *And then* [dan kemudian] kalau secara -- macam mana eh *nak* [hendak] cakap -- macam cerpen-cerpen *tu* [itu] lebih kurang dalam *lapan* [8] buku, *enam* [6] buku macam *tu* [itu] la.

IN : **Di bawah terbitan syarikat mana buku-buku *tu* [itu] --**

AK : Buat masa sekarang saya masih berada dibawah Lejen Press. Saya memang hantar karya-karya saya kepada Lejen Press, iaitu sebuah penerbitan alternatif.

Dan sekarang saya cuba untuk masuk ke syarikat-syarikat lain pula tapi *tak* [tidak] ada perancangan lagi untuk ke syarikat *mainstream* [arus perdana] lah.

**IN : Macam mana dengan sambutan yang diterima?**

AK : Dari segi sambutan untuk novel-novel saya pun saya sendiri *tak* [tidak] sangka lah. Kalau ikut kiraan syarikat, setakat *ni* [ini] keempat-empat novel saya telah terjual sebanyak *lima puluh ribu* [50 000] dalam masa *tiga* [3] tahun jadi macam -- wow terkejut juga lah kan sebab orang percaya pada saya. Orang beli karya saya walaupun saya orang baru, walaupun mereka *tak* [tidak] kenal lagi siapa Azwar Kamaruzaman. *Tapi* [tetapi] mereka *still* [masih] beli dan -- *Start* [mula] pada *tu* [itu], saya dapat banyak sokongan dan banyak juga lah yang suruh *keep up* [teruskan] dengan penulisan-penulisan.

**IN : OK. Antara buku yang paling laris sekali?**

AK : Buku yang paling laris sekali novel ‘BABI’ [Bercinta Dibalik Api] dan novel tersebut telah tercetak sebanyak *tujuh* [7] cetakan.

**IN : Dalam masa berapa tahun?**

AK : Dalam masa *dua* [2] tahun telah tercetakan sebanyak *tujuh* [7] cetakan dan --

saya punya *trademark* [tanda dagangan] ataupun buku pengenalan siapa Azwar Kamaruzaman, buku *tu* [itu] lah yang menceritakan dan membawa saya ke dalam bidang penulisan *ni* [ini].

**IN : Boleh ceritakan sedikit *tak* [tidak] sinopsis tentang buku *tu* [itu]?**

**AK** : Sebenarnya buku *tu* [itu] menceritakan seorang anak haram atau pun anak luar nikah dan anak luar nikah *ni* [ini] dia *tak* [tidak] dapat hak dia maksudnya dia dinafikan hak dia oleh masyarakat sekeliling. Dan orang macam sterotaip pada dia lah. Macam fikir bila dia anak luar nikah maksudnya dia *ni* [ini] jahat, dia *ni* [ini] buas dan sebagainya. *Tapi* [tetapi] sebenarnya jauh di sudut dalam hati dia, dia cuba untuk membuktikan bahawa semua apa pandangan masyarakat tentang dia *tu* [itu] adalah salah. Dan sebenarnya dia cuba untuk kembalikan *mak* [emak] dia yang jadi pelacur *tu* [itu] ke jalan yang benar. Maksudnya dia *tak nak mak* [tidak hendak emak] dia *tu* [itu] terus terperangkap dalam benda yang salah lah. Macam *tu* [itu], *tu* [itu] sinopsis ringkas dia lah.

**IN : Penulis manakah yang bermain dalam fikiran encik ketika encik menulis buku?**

**AK** : Waktu saya tulis buku, saya *tak* [tidak] membayangkan penulis mana-mana sebab -- kalau saya menulis saya akan menulis bahawa Azwar Kamaruzaman

atau pun diri saya yang menulis. Sebab kalau saya terbayang penulis lain yang pernah saya baca buku *dia orang* [mereka] saya akan terikut-ikut gaya *dia orang* [mereka] jadi, benda *tu tak original* [itu tidak asli] lah. *And then* [dan kemudian] saya *nak* [hendak] cari satu *writing style* [gaya penulisan] saya sendiri yang bila orang baca, OK ini buku Azwar Kamaruzaman. *Ha* [ya] macam *tu* [itu] lah.

- IN : Tentang buku-buku encik, di manakah pembeli boleh dapatkan buku-buku tersebut?
- AK : Sekarang *ni* [ini] buku alternatif dah banyak terjual, kedai-kedai yang berminat untuk jual. Kalau dekat utara iaitu bahagian Perak, Kedah dan juga Perlis banyak terjual dekat kedai buku ILuvNovel. MPH pun ada juga. Kemudian di Hasani Books Store pun *dah* [sudah] ada *tapi* [tetapi] cuma beberapa buah buku. Kalau secara *worldwide* [menyeluruh] atau pun secara seluruh Malaysia ada di kedai MPH paling besar sekali lah, kedai buku satu Malaysia *lepas tu* [selepas itu] ada di kedai-kedai buku biasa macam Hasani tadi. *And then* [dan kemudian] boleh pergi ke *website* [laman sesawang] lejen.my boleh beli *online* [dalam talian] atau pun boleh beli secara WhatsApp atau pun cari *insta shop* [kedai instagram] macam Projek Buku, Fixigasam semua *tu* [itu], *dia orang* [mereka] pun ada jual juga.

IN : Kebanyakan pembaca-pembaca *ni* [ini] terdiri daripada golongan yang mana?

AK : Berdasarkan pemerhatian saya sewaktu pesta buku baru-baru *ni* [ini], saya dapat lihat -- golongan yang suka membaca buku saya *ni* [ini] adalah golongan sekolah dan juga remaja dan peringkat sehingga -- Umur yang boleh saya cakap antara umur *lima belas* [15] sehingga umur *empat puluh* [40] tahun lah saya nampak yang banyak membeli buku saya, golongan *ni* [ini] lah.

IN : Adakah buku-buku encik mengisahkan tentang kehidupan peribadi?

AK : Sebenarnya *tidak* [tidak]. *Tak de* [tidak ada] kaitan langsung dengan peribadi saya. Cuma dari segi -- yang berlaku di persekitaran saya banyak saya ceritakan dalam cerita-cerita saya lah maksudnya saya macam -- tengok orang sekeliling saya “Oh macam *ni* [ini], macam *ni* [ini]”. Banyak saya ceritakan dalam cerita-cerita saya.

IN : Dari mana encik dapatkan ilham?

AK : Kalau novel pertama yang novel ‘*BABI*’ [Bercinta Di Balik Api] *tu* [itu] diilhamkan daripada sebuah artikel dalam Internet, saya terbaca *satu* [1] artikel *tu* [itu]. Kalau Google, boleh Google tajuk “Kisah pemuda beribubapakan babi”. Dan saya terbaca artikel *tu* [itu], dan sebenarnya artikel *tu* [itu] mengisahkan

tentamg Nabi Musa. Dan *bila* [apabila] saya terbaca *tu* [itu], tiba-tiba dapat ilham untuk menghasilkan novel tersebut. Dan novel kedua saya ‘Nasi Kangkang’ mengisahkan tentang -- kisah kawan saya *tapi* [tetapi] dia *tak* [tidak] kena nasi kangkang lah cuma dia terfikir untuk buat benda *tu* [itu]. Cuma saya realisasikan apa yang dia *nak* [hendak] buat *tu* [itu], apa yang dia terfikir *tu* [itu] dalam bentuk penulisan saya lah.

- IN : ***So [jadi], ‘BABI’, ‘Nasi Kangkang’, dan dua [2] lagi tu [itu]?***
- AK : ‘BABI’, ‘Nasi Kangkang’, ‘Saka’. ‘Saka’ merupakan sambungan kepada novel ‘BABI’. ‘Sepuluh Jahanam’ *tu* [itu] merupakan alternatif cerpen. Maksudnya banyak koleksi-koleksi cerpen saya yang daripada umur saya *sepuluh* [10] tahun sampai lah sekarang dan dimuatkan dalam *satu* [1] buku.
- NA : **Ok berdasarkan novel ‘BABI, kenapa terfikir *nak* [hendak] letak tajuk ‘BABI’?**
- AK : Sebab memang ada kaitan dengan babi dan saya rasa *tak de* [tidak ada] lagi -- bukan *tak de* [tidak ada] baru-baru *ni* [ini] saya terjumpa *satu* [1] buku yang ditulis oleh Ibrahim Ali yang tajuk ‘BABI waktu *tu tak* [itu tidak] sosial lagi. Dan *satu* [1] lagi orang Melayu bila dengar perkataan babi mesti macam --

- NA : Mencarut.**
- AK : Berfikiran teruk lah dan sebagainya dan benda *tu* [itu] sebenarnya membuatkan orang tertanya-tanya apa sebenarnya kisah disebalik kisah tajuk ‘BABI’ *ni* [ini].**
- NA : Tajuk novel *tu* [itu] dipilih sendiri oleh penulis atau --**
- AK : Novel ‘BABI’ saya yang pilih. ‘Saka’ *publisher* [penerbit] Lejen Press yang pilih. ‘Nasi Kangkang’ pun saya yang pilih. ‘Sepuluh Jahanam’ pun saya yang pilih.**
- IN : Kenapa yang ‘Saka’ *tu* [itu] Lejen Press yang pilih?**
- AK : Sebab saya *tak de* [tidak ada] idea untuk tajuk itu. Sepatutnya saya letak “Babi II” *je tapi* [sahaja tetapi] macam *tak* [tidak] sedap kan. *So editor* [jadi penyunting] cadangkan tajuk ‘Saka’ --**
- IN : Buku *tu* [itu] ada kena mengena dengan ‘Saka’ ke macam mana?**
- AK : Buku *tu* [itu] kalau baca novel ‘BABI’ ada *satu* [1] watak yang dimatikan *tapi* [tetapi] dalam novel ‘Saka’ tiba-tiba dia hidup balik dalam bentuk saka. Sebab *tu* [itu] lah tajuk dia ‘Saka’.**
- IN : Pernah *tak* [tidak] ada kontroversi tentang tajuk buku atau isi kandungan**

**buku?**

AK : Dari segi kontroversi *ni* [ini] saya dikatakan antara penulis yang berani mencipta kontroversi. Sebab saya memang menulis dengan *start* [mula] daripada Buku Hitam Press pun saya *dah* [sudah] banyak terpalit dengan kontroversi contohnya hampir-hampir disoal siasat oleh *KDN* (Kementerian Dalam Negeri) sebab kandungan buku tersebut disebabkan masa *tu* [itu] bawah umur dibantu oleh pihak Buku Hitam Press *lepas tu* [selepas itu] ok. Dan antara kontroversi yang paling besar sekali bila novel ‘BAB1’ keluar lah. Banyak pihak-pihak agamawan *ni* [ini] pihak-pihak yang kononnya agama *ni* [ini] ustaz-ustaz yang banyak menentang saya lah. *Lepas tu* [selepas itu] antara kontroversi lain saya rasa pihak MPH lah *banned* [mengharamkan] buku saya, dia *tak* [tidak] ambil jual buku saya. *Tapi* [tetapi] sekarang *ni* [ini] disebabkan dia tengok laku --

NA : **Dia ambik [ambil].**

AK : Ada *jugak* [juga] lah sesetengah MPH ambil. Padahal *dulu tak nak* [dahulu tidak hendak] (ketawa) ambil *tapi* [tetapi] tengok laku dia ambil juga.

IN : *So* [jadi] MPH *dia orang banned* [mereka haramkan] macam ada setengah *writers* [penulis] yang *dia orang* [mereka] rasa *nak banned* [hendak haramkan], *dia orang banned* [mereka haramkan].

AK : *Dia orang* [mereka] akan *banned* [haramkan], *tapi* [tetapi] disebabkan saya penulis baru *dia orang tak banned* [mereka tidak haramkan] terus lah. *Dia orang* [mereka] cuma *banned* [haramkan] buku novel ‘BABI’ *tapi* [tetapi] novel-novel lain *dia orang* [mereka] ambil. Cuma novel ‘BABI’ *ni dia orang* [ini mereka] macam *just* [hanya] tengok *cover je dia orang* [kulit sahaja mereka] macam *banned* [haramkan]. *Dia orang tak* [mereka tidak] baca dalam. *Once dah explain* [sekali sudah jelas] dalam semua -- disebabkan *dah* [sudah] explain dalam apa semua *dah* [sudah] ramai dapat positif semua baru *dia orang nak ambik* [mereka hendak ambil]. *Tu* [itu] pun untuk sesetengah MPH sahaja.

IN : **Sebab tajuk je [sahaja?]**

AK : *A'ah* [ya] sebab tajuk.

IN : **Susah tak nak [tidak hendak] mencari ilham?**

AK : Kalau saya, ilham *ni* [ini] dia *tak* [tidak] susah sebab -- ilham *ni* [ini] saya rasa idea lah. Sebab bila-bila *saja* [sahaja] ilham *tu* [itu] boleh ada. Cuma yang susahnya *nak* [hendak] urus emosi dan juga rasa malas *tu* [itu] lah. Nak *handle* [uruskan] rasa malas *tu* [itu] yang paling susah sebenarnya. Ilham setiap masa kita boleh cari kan? Senang.

IN : **Pada pandangan encik, adakah bahan bacaan dan rujukan itu penting**

**untuk menghasilkan buku?**

AK : (Batu) OK. Untuk menjadi seorang penulis- penulis *ni* [ini] bagi saya dia ada *dua* [2]. Penulis yang memang berhasrat untuk menulis dan menyampaikan sesuatu pada orang untuk perkara yang baik dan penulis yang kedua adalah penulis yang hanya menulis untuk mencari duit dan juga populariti dan sebagainya. Bagi saya penulis yang untuk menyampaikan kebaikan dan untuk menyampai sesuatu kepada orang lain atau pun pembaca sangat penting bahan bacaan dan juga rujukan. Dari segi bahan bacaan bagi saya, saya akan mula menulis *satu* [1] buku *tu* [itu] selepas saya baca *lima* [5] buah buku yang lain. *Bila* [apabila] saya baca *lima* [5] buah buku yang lain, baru saya akan dapat *satu* [1] cerita yang saya rasa sesuai untuk dijadikan sebuah buku. Dan benda *tu* [itu] juga akan mempengaruhi gaya penulisan saya semasa menulis. Untuk rujukan, sesebuah buku yang baik adalah buku yang mengandungi cerita-cerita yang betul. Maksudnya setelah dibuat rujukan sedalam yang mungkin barulah penulis itu akan mula penulisan dan menceritakan cerita *tu* [itu] berdasarkan kajian dia lah. Maksudnya, apabila seseorang pembaca *tu* [itu] membaca, dia akan dapat fakta yang betul dan dia boleh gunakan untuk masa depan dia. Maksudnya, *to be a good writer* [untuk menjadi seorang penulis yang bagus] anda perlukan pembacaan dan bahan rujukan yang secukupnya.

IN : **Bagaimana seorang penulis itu dapat mengatasi masalah kekeringan idea**

atau *writers block* [blok penulis]?

- AK : Saya tak [tidak] percaya kepada *writers block* [blok penulis] ataupun kekeringan ideas sebab saya percaya setiap penulis tu [itu] kalau penulis tu [itu] dia pergi mana-mana dia akan ada satu *imagination* [imajinasi] yang dicipta sendiri dan saya itu adalah satu idea lah. Dan sebenarnya *writers block* tu tak [blok penulis itu tak] wujud bagi saya. Benda yang wujud adalah perasaan malas. Sebab dia malas untuk terjemahkan atau *interpret* [terjemah] dia punya *idealization* [idealisaasi] dalam bentuk ayat. *And then* [dan kemudian] dia tak nak [tidak hendak] susun ayat tu [itu] bagi cantik *and then* [dan kemudian] dia malas untuk tulis dekat *laptop* [komputer riba]. Benda tu [itu] memang selalu terjadi dekat penulis. Sebab tu bila [itu apabila] -- Kalau macam saya, kalau saya betul-betul serius dalam bidang penulisan maksudnya saya betul-betul serius untuk menghasilkan sebuah novel, *bila* [apabila] saya pergi mana-mana dan saya ter *create* [cipta] satu *imagination* [imajinasi], saya akan terus catat dalam buku nota kecil saya atau pun dalam *note handphone* [nota telefon bimbang] saya dan bila balik saya akan tulis dalam bentuk penulisan yang betul lah. Dan kalau saya sendiri, saya pernah konon-kononnya nak [hendak] kaji tentang *writers block* [blok penulis], benda tu tak [itu tidak] pernah terjadi pun sebab bila saya buat macam tu [itu] ada je [sahaja] cerita yang akan keluar. Dan selalunya kepercayaan *writers block ni* [blok penulis ini] -- hanyalah alasan penulis-penulis yang sebenarnya dia malas. Kalau dia rajin apa-apa cerita pun boleh jadi.

IN : Jadi, kemalasan *ni* [ini] lah yang orang cakap *writers block ni* [blok penulis ini]?

AK : Sebenarnya *writers block tu* [blok penulis itu] digunakan sebagai *term* [terma] untuk menggantikan terma malas lah. Bagi seorang penulis, bagi saya lah.

IN : Apakah cabaran terbesar dalam menghasilkan sebuah buku?

AK : OK. Kalau saya dalam bidang alternatif *ni* [ini] saya nampak -- kalau saya lah dari segi penulisan *ni* [ini] benda yang kita *nak* [hendak] sajikan kepada pembaca *tu* [itu] adalah *satu* [1] kelainan. Maksudnya kita *tak nak* [tidak hendak] sama benda *tu* [itu] dengan pihak *mainstream* [arus perdana]. Atau pun penulisan arus perdana, kita *nak* [hendak] sajikan *something* [sesuatu] benda -- Sekarang *ni* [ini] orang *dah* [sudah] pandai pilih bahan bacaan. Maksudnya *dia orang* [mereka] cari *satu* [1] bahan bacaan yang *dia orang tak* [mereka tidak] terfikir pun, *dia orang tak* [mereka tidak] boleh *predict* [duga] dia punya *ending* [penamat]. Jadi benda *tu* [itu] adalah *satu* [1] cabaran bagi saya lah untuk cari *satu* [1] cerita yang orang baca permulaan, dia *nak* [hendak] baca lagi seterusnya dan dia *nak* [hendak] tahu *ending* [penamat] dia. Dan bila kalau orang yang memang suka baca, dia baca buku *tu* [itu] dia akan cakap, "Oh, buku *ni tak* [ini tidak] pernah ada lagi. Cerita *ni tak* [ini tidak] pernah ada lagi. Dan *tak* [tidak]

pernah ditulis lagi mana-mana penulis.” Dan itu dari segi penulisan. Dari segi pengurusan pula, saya rasa yang paling susah sekali *nak* [hendak] urus adalah masa lah. Untuk dapatkan masa yang terbaik, dengan emosi yang terbaik, dengan idea yang terbaik semua sangat-sangat susah bagi seorang penulis. Melainkan dia memang penulis sepenuh masa. Kalau macam saya penulis separuh masa dengan *nak* [hendak] bahagi masa dengan *study* [belajar] lagi memang saya terpaksa ketepikan dulu saya punya penulisan sebab saya kena tumpukan dengan pelajaran saya dulu. (berdehem)

- IN : **Buku apa yang sedang encik baca sekarang ni [ini]?**
- AK : Sekarang saya banyak kaji buku-buku dari Dubook Press. Contohnya buku ‘Amran Fans’, buku ‘Terima Kasih Si Babi Hutan’ tulisan Lepat dan beberapa buku yang lain. Dan saya baru sahaja menghabiskan *satu* [1] buku travelog *tapi* [tetapi] yang *ni* [ini] buku tentang perjalan lah. Penulisnya adalah Meor Ashradi. Saya sebenarnya saya *tak* [tidak] pernah berminat dengan buku travelog. Dan *once* [sekali] saya baca buku travelog *ni* [ini] rupa-rupanya menarik juga buku travelog *ni* [ini]. (berdehem)

- IN : **Selalunya untuk menyiapkan sebuah buku mengambil masa berapa lama?**
- AK : (Batuk) OK. Kalau *dulu dua* [dahulu 2] buku yang pertama bila saya betul-betul

disiplin, macam bahagikan masa *dua* [2] jam wajib tulis *dua ribu* [2000] perkataan. Dalam masa sebulan saya *dah* [sudah] boleh dapat sebuah novel. Sebulan setengah saya boleh dapat *enam puluh ribu* [60 000] perkataan. *Ha* [ya] macam *tu* [itu]. *Tapi* [tetapi] sekarang bila *nak* [hendak] -- disebabkan *dah* [sudah] masuk ke peringkat yang lebih tinggi sikit dalam pelajaran, agak susah sikit dalam masa setahun pun *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] hasilkan sebuah buku lagi. Cuma tengah cari masa yang betul untuk tulis lah. *Tapi* [tetapi] sekarang memang masih lagi menulis dan cuma tunggu untuk di *publish* [terbit] kan. (berdehem)

- IN : Apakah pandangan ibu bapa encik apabila encik membuat keputusan untuk menceburi bidang penulisan ini?
- AK : *Parents* [ibu bapa] saya *tak* [tidak] pernah halang. Dia cakap, “Buat *je* [sahaja] apa kau *nak* [hendak] buat.” Asalkan *tak* [tidak] susahkan *dia orang* [mereka]. *And then* [dan kemudian] benda *tu* [itu] mampu beri kebaikan kepada diri sendiri, *dia orang tak* [mereka tidak] pernah kisah dan selalunya memberi sokongan. Cuma -- pada permulaan saya menjadi seorang penulis apabila buku saya novel ‘BABI’ *tu* [itu] diterbitkan, saya agak takut lah untuk beritahu *family* [keluarga] saya. *Once* [sekali] saya *dah* [sudah] bawa balik *lima belas* [15] naskah buku, saya *tak* [tidak] bagi tahu lagi dekat *parents* [ibu bapa] saya *dah* [sudah] jadi novelis. [berdehem] *Tapi lepas tu* [tetapi selepas itu] macam -- mak

[emak] saya kemas bilik semua, *then* [kemudian] jumpa buku *tu* [itu] sangat banyak *and then* [dan kemudian] macam marah, “Kenapa beli buku *ni* [ini]?!” *Tapi* [tetapi] macam *tak* [tidak] perasan lagi lah ada nama saya dekat novel *tu* [itu] kan. *And then bila* [dan kemudian apabila] saya bagi tahu mula-mula *at first mak* [pada mulanya emak] saya macam marah juga sebab tengok *cover* [kulit] buku kan. *Lepas tu bila* [selepas itu apabila] saya cakap, “OK mama, baca dulu buku *ni* [ini] macam mana.” *And mak* [dan emak] saya pun baca buku *then* [kemudian] dia *dah* [sudah] habis baca buku dia tanya, “Bila *nak* [hendak] buat sambungan pula?” (ketawa) Dan *lepas tu* [selepas itu] sampai sekarang dia bagi sokongan lah.

NA : Siapakah yang banyak memberi dorongan dan sokongan kepada encik?

AK : Dorongan dan sokongan bagi saya, *family* [keluarga] saya. Memang *family* [keluarga] antara orang paling kuat bagi banyak sokongan. Saya pernah rasa *down* [kecewa] dan sebagainya, *dia orang* [mereka] cakap benda *tu* [itu] normal. Padahal *dia orang tak* [mereka tidak] pernah hadapi pun pandai-pandai *dia orang* [mereka] cakap.

NA : Sedapkan hati.

AK : Sedapkan hati *dia orang* [mereka] banyak “*tak pe* [tidak apa] ambil benda *tu*

[itu] sebagai pengajaran, teguran orang *tu* [itu] sebenarnya penting dan sebagainya” dan *dia orang* [mereka] pun sebenarnya adalah pengkritik utama saya dalam penulisan. Maksudnya, selepas novel ‘BABI’ dikeluarkan, novel ‘Nasi Kangkang’, novel ‘Saka’ dan juga novel ‘Antologi Cerpen Sepuluh Jahanam’, saya banyak *refer* [merujuk] kepada mereka sebelum saya hantar kepada *publisher* [penerbit] sebelum diterbitkan.

NA : Sebenarnya apakah cita-cita pertama encik sebelum menjadi penulis?

AK : Sebenarnya, saya *tak* [tidak] pernah langsung terfikir untuk menjadi seorang penulis. Dan cita-cita asal saya, saya ingat lagi sewaktu saya darjah *dua* [2] cikgu tanya apa cita-cita saya, saya jawab “saya *nak* [hendak] jadi wartawan perang” dan sampai sekarang saya simpan cita-cita *tu* [itu]. Saya rasa saya *dah* [sudah] pilih jalan yang betul dengan ambil undang-undang dan sekarang *ni* [ini] saya tengah cari *network-network* [cabang-cabang] untuk capai cita-cita saya sebagai wartawan perang.

NA : *Tapi* [tetapi] kenapa wartawan perang?

AK : *First* [pertama] saya sebenarnya suka bidang wartawan. Bidang wartawan *ni* [ini] kita boleh tolong orang sampaikan apa yang mereka rasa secara meluas. *Then* [kemudian] kenapa saya pilih wartawan perang *ni* [ini] sebab saya rasa ia

mencabar sebab kita akan pergi ke zon perang contoh *cam* [macam] negara-negara yang sedang bergolak dan kita dapat lihat benda *tu* [itu] secara *live* [langsung]. Sekarang *ni* [ini] kita selalu tengok benda *tu* [itu] selalu disampaikan oleh media-media barat jadi kita *tak* [tidak] tahu benda yang sebenar -- secara diulang tayang *je* [sahaja]. Kalau boleh saya *nak* [hendak] pergi sendiri tengok dan saya *nak* [hendak] sampaikan cerita yang sebenar kepada seluruh dunia lah.

NA : Ok. Apa pendapat (batuk) encik tentang penulis-penulis muda yang kian ramai?

AK : Ok. Lambakan penulis muda dekat dalam bidang penulisan *satu* [1] benda yang sangat positif. Bila kita tengok ramainya penulis-penulis muda *ni* [ini], saya dapat simpulkan bahawa ilmu ataupun penyebaran ilmu di negara kita semakin meluas. Maksudnya ramai orang sudah berminat dari segi bidang penulisan maksudnya budak-budak golongan-golongan remaja sekarang sudah berminat untuk menulis sesuatu dengan cara mereka sendiri dan saya dapat lihat fenomena *ni* [ini] terjadi di negara kita dan banyak menggunakan *channel* [siaran] penulisan sebagai *satu* [1] cara untuk *rebel* [memberontak] ataupun *satu* [1] cara untuk memberontak. Maksudnya *dia orang dah tak de* [mereka sudah tidak ada] kurang lah dari segi masalah sosial seperti kumpulan-kumpulan yang tertentu kalau *dulu* [dahulu] kita ada black metal dan sebagainya macam untuk remaja *rebel tapi* [memberontak tetapi] sekarang *dia orang dah* [mereka sudah]

pandai menulis dan *dia orang* [mereka] menggunakan cara itu untuk *rebel* [memberontak].

**NA : Adakah penulis-penulis di luar sana mempunyai potensi untuk meneruskan perjuangan dalam bidang penulisan?**

**AK** : Penulis muda kalau dari segi penulis muda kalau saya tengok sangat berpotensi besar dalam bidang penulisan bukan sahaja di negara kita dan sekarang saya tengok ramai penulis *dah* [sudah] rapat dengan penulis daripada Indonesia dan dengan cara *tu* [itu] mereka sebarkan *dia orang* [mereka] punya orang panggil apa *talent* [bakat] ke luar negara dan dengan cara *tu* [itu] mereka mempromosikan diri mereka dan saya nampak benda ada *satu* [1] potensi yang sangat besar dan saya tengok penulis-penulis yang mempunyai potensi yang besar *ni* [ini] adalah penulis yang sangat rajin dan penulis yang sentiasa komited dengan kerja-kerja penulisan dia lah.

**NA : Antara penulis muda yang encik kagumi?**

**AK** : Saya paling kagum sekali penulis ‘Kelabu’ iaitu Nadia Khan sebab beliau merupakan seorang pensyarah dalam bidang perubatan dalam masa yang sama beliau sangat aktif menulis dan beliau juga seorang -- Baru-baru ini beliau menceburkan diri dalam bidang teater. Dan saya memang *respect* [hormat] lah

kepada orang-orang yang sudah berkerjaya seperti beliau dan juga seorang lagi doktor iaitu Dr. Akmal Azman penulis Lejen Press yang menulis buku \_ \_ \_ walaupun beliau merupakan seorang doktor yang *tak de* [tidak ada] cuti kadang-kadang dan kalau cuti *tu* [itu] digunakan untuk tidur *tapi* [tetapi] dia cakap dia akan cuba adakan masa untuk menulis. Dan benda *tu* [itu] memang saya *respect* [hormat] gila sebab saya sebagai seorang *student ni* [pelajar ini] pun *tak leh spend* [tidak boleh luangkan] masa untuk menulis. Sebenarnya benda *tu* [itu] lah yang buat saya kagum dengan mereka.

**NA : Pernah *tak* [tidak] encik menganjurkan sebarang majlis untuk mengkomersialkan bidang penulisan ini?**

**AK : Kalau saya anjurkan sendiri *tak de tapi* [tidak ada tetapi] kalau orang lain anjur dan jemput saya untuk dari segi promosi semua ada cuma sekarang *ni* [ini] saya tengah rancang untuk adakan *roadshow* [jelajah] di semua seluruh Malaysia untuk mempromosikan semua karya-karya saya lah.**

**IN : Sebelum *ni* [ini] pernah dijemput *tak* [tidak] -- menghadiri ke majlis-majlis contoh macam baca puisi ke ataupun majlis *promotion* [promosi] buku ke --**

**AK : Saya selalu dijemput oleh pihak Perpustakaan Negara. Saya pernah *join***

[menyertai] program Mari Membaca bersama dengan penulis Ahadiat Akasha dan memang agak ramai *jugak* [juga] yang datang. *Kita orang* [kami] terang macam mana menjadi penulis dan sebagainya. Dan baru-baru ini bersama Perpustakaan Negara Malaysia *kita orang* [kami] buat program Bersama Penulis di Festival Belia Malaysia di Putrajaya. So [jadi] dekat situ dengan Perpustakaan Negara memang banyak bergerak dengan *dia orang* [mereka] lah dan sekarang tengah tumpu untuk mendapatkan dana penulis maksudnya dana penulis *tu* [itu] Perpustakaan Negara yang punya bagi.

IN : Dana macam untuk semua penulis *mainstream* [arus perdana] dengan alternatif ataupun --

AK : Untuk seorang penulis *tu* [itu] dia ada dana dia sendiri -- yang diberikan oleh Perpustakaan Negara atau kerajaan --

IN : Untuk setiap penulis?

AK : Bukan, *sape* [siapa] yang minta. Dia selalunya *satu* [1] buku *tu* [itu] kalau lepas dia akan bagi *sepuluh ribu* [10 000] lah untuk *satu* [1] penulis.

IN : Azwar pernah minta?

AK : Tengah minta. Tengah siapkan *proposal* [kertas kerja] untuk *nak* [hendak] minta.

IN : ***So [jadi] duit yang dia bagi tu [itu] adalah untuk kos untuk -- penulis tu [itu] menerbitkan sendiri ataupun macam mana?***

AK : Yang *tu* [itu] dia *tak* [tidak] kisah *tapi* [tetapi] dia macam beli karya kita unutk tempatkan *kat* [dekat] perpustakaan maksudnya macam beli lah karya-karya untuk tempatkan di seluruh Perpustakaan Negara macam *tu* [itu] lah.

IN : ***Pastu tapi tak* [selepas itu tetapi tidak] terikat dengan *dia orang* [mereka] lah?**

AK : *Tak* [tidak] terikat dengan *dia orang* [mereka].

NA : **Bagaimakah encik menghebahkan tentang majlis yang encik hadiri pada umum?**

AK : Ok selalunya saya *promote* [promosi] majlis-majlis yang saya hadiri melalui media massa *media social* [media sosial] dan sebagainya contohnya instagram, twitter, facebook dan selalunya kalau Lejen Press dia akan gunakan beberapa

pihak contohnya Astro Awani dan sebagainya dan kalau ada -- contohnya kalau saya hadiri contoh program ataupun *event* [majlis] yang dianjurkan oleh pihak lain contoh ILuvNovel *dia orang* [mereka] akan promosikan melalui universiti-universiti dan sebagainya.

IN : Selalunya bagi *talk* [ceramah] dekat *U* [Universiti]?

AK : Setakat *ni* [ini] bagi *talk* [ceramah] dekat *U* [Universiti].

IN : *So* [jadi] dijemput oleh *satu* [1] fakulti ke--

AK : Kadang-kadang fakulti yang jemput, kadang-kadang pihak univesiti yang jemput. Contoh kalau dekat *UKM* (Universiti Kebangsaan Malaysia) tahun lepas, *dia orang* [mereka] ada Pesta Buku *UKM* (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan memang *person in charge* [orang yang ditugaskan] yang *handle* [menguruskan] Pesta Buku *UKM* (Universiti Kebangsaan Malaysia) *tu* [itu] lah yang *handle* [menguruskan].

IN : Dijemput --

AK : *A'ah* [ya] dijemput.

IN : Pernah *tak dia orang* [tidak mereka] macam suruh Azwar jadi *one of the*

*faci [salah seorang fasi] macam dalam satu [1] organization [organisasi] --  
bengkel \_ \_*

AK : Ada jugak yang suruh *offer* [tawaran] buat bengkel penulisan dan sebagainya  
*tapi* [tetapi] disebabkan oleh kekangan masa sebagai *student tu* [pelajar itu] agak  
terhad jadi saya banyak menolak lah bengkel-bengkel penulisan dan juga fasi-  
fasi dari segi bidang penulisan --. Disebabkan saya pelajar kekangan masa *tu*  
[itu] saya terpaksa tolak --

IN : Bengkel-bengkel *ni* [ini] dianjurkan oleh *private* [swasta] ke ataupun  
macam **DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka)** ke Karangkraf ke?

AK : Saya sebenarnya *tak* [tidak] bergerak cuma kalau dari segi pihak arus perdana,  
saya cuma bergerak dengan Perpustakaan Negara *je* [sahaja]. Kalau dengan \_ \_  
saya *tak* [tidak] berani bergerak cuma kalau bengkel-bengkel penulisan *ni* [ini]  
banyak dari pihak universiti, banyak daripada syarikat-syarikat macam badan-  
badan tertentu yang menggerakkan bidang penulisan *ni* [ini] dan sebagainya.

IN : *So [jadi] cuti ni* [ini] ada program apa-apa?

AK : Semalam baru balik daripada -- sebenarnya daripada Melaka. Hari Jumaat  
bertolak pergi *KL* (Kuala Lumpur) ada *talk* [ceramah] untuk budak-budak  
bidang penulisan daripada *tak* [tidak] pasti daripada kolej apa entah saya cuma

dipanggil *je* [sahaja]. Kemudian pergi ke Melaka untuk promosi dekat Tempatan Fest lah.

IN : Tempatan Fest dekat Melaka sekarang?

AK : Tempatan Fest *kat* [dekat] Melaka. *So* [jadi] balik semalam baru sampai. Minggu depan dekat Publika *under* [di bawah] sebuah alternatif media lah.

IN : Baru-baru *ni* [ini] kan ada **PBAKL** (Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur) --

AK : *PBAKL* (Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur) --

IN : *So* [jadi] Azwar terlibat *tak* [tidak]?

AK : Saya memang terlibat sepanjang *PBAKL* (Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur) *tu* [itu] memang saya terlibat dari segi tandatangan buku, promosi buku dan sebagainya lah.

IN : *Under* [di bawah] Lejen --

AK : *Under* [di bawah] Lejen Press.

IN : Pernah turun buat *promotion* [promosi] buku *kat area* [dekat kawasan]  
**Pantai Timur tak [tidak]?**

AK : Pantai Timur *je* [sahaja] belum. Kelantan dengan Terengganu *je* [sahaja] belum. Yang lain semua *dah* [sudah] pergi. Kelantan, Terengganu, Sabah, Sarawak negeri lain semua *dah* [sudah] pergi. *So* [jadi] mungkin boleh dapat jemputan dan juga sebagainya Lejen Press pun kalau pergi Pantai Timur dia *tak* [tidak] bawa kuantiti yang banyak dan dia *tak de provide* [tidak ada sediakan] untuk *writer* [penulis] juga lah. *So* [jadi] kalau ada jemputan *lepas ni* [selepas ini] mungkin inshaAllah akan pergi.

NA : Sekarang terlalu ramai penulis berbakat. Bagaimana encik bersaing untuk menaikkan **nama** encik?

AK : Ok sebenarnya penulis berbakat dan dalam persaingan saya *tak* [tidak] pernah dalam bidang penulisan *ni* [ini] saya *tak* [tidak] pernah anggap penulis-penulis lain *tu* [itu] memberikan *satu* [1] persaingan kepada saya sebab kalau dalam bidang penulisan *ni* [ini] kalau kita bersaing kita *tak* [tidak] tahu apa yang kita *nak* [hendak] capai sebab *there is no trophy* [tiada piala] ataupun *there is no winner* [tiada pemenang] dalam bidang penulisan *ni* [ini]. Tambah-tambah bidang penulisan alternatif (berdehem) bidang penulisan alternatif *ni* [ini] dia agak dipinggirkan oleh *mainstream* [arus perdana] dan kalau dalam *mainstream*

*dia orang* [arus perdana mereka] ada pengiktirafan buku novel terbaik, buku terbaik negara dan sebagainya *tapi* [tetapi] kalau dalam bidang penulisan alternatif *ni tak de* [ini tidak ada] apa-apa pun yang *kita orang nak aim* [kami hendak sasar] maksudnya *tak de* [tidak ada] anugerah apa-apa pun. Cuma adalah ILuvNovel *tu* [itu] buat anugerah, anugerah novel terbaik *tapi* [tetapi] maksudnya sokongan orang terhadap novel alternatif *ni* [ini] masih kurang sebenarnya dan *so tak de* [jadi tidak ada] persaingan pun dekat situ. Dan bila *kita orang* [kami] duduk sekali kami akan berkongsi --

NA : **Idea.**

AK : Idea-idea dan cerita yang mungkin masuk untuk *next story* [cerita seterusnya]. Dan kadang-kadang *tu* [itu] ada yang ajak untuk berkolaborasi sekali dan sebagainya jadi *tak de* [tidak ada] wujud persaingan pun dalam bidang penulisan alternatif *ni* [ini].

NA : **So [jadi] apakah yang boleh dikatakan sebagai kekuatan encik?**

AK : Kekuatan saya dalam bidang penulisan adalah pada saya rasa pada cerita saya sebab saya banyak menceritakan tentang perkara-perkara yang berlaku di sekeliling kita maksudnya bila kita bercerita tentang yang banyak berlaku di sekeliling kita orang bila baca “Oh benda *ni* [ini] pernah berlaku *kat* [dekat] aku,

oh benda *ni* [ini] terjadi rupa-rupanya". Contoh benda jahat bila *dia orang* [mereka] buat jahat "Oh aku pernah buat jahat adakah benda *ni* [ini] akan terjadi." macam *tu* [itu] lah maksudnya. Orang akan fikir benda *ni* [ini] akan berlaku sekiranya kita buat macam *ni* [ini] macam *ni* [ini] sebab berdasarkan cerita-cerita yang saya buat *tu* [itu].

**NA : Ok pernah *tak* [tidak] terfikir untuk berkolaborasi bersama penulis lain?**

**AK : Saya memang ada perancangan untuk menulis dengan beberapa penulis. *Tapi* [tetapi] masih sampai sekarang masih belum berjaya sebab masing-masing sibuk dengan projek masing-masing. Untuk *mainstream* [arus utama] pun ada juga saya memang teringin *nak* [hendak] berkolaborasi bersama dengan Ramli Awang Murshid *tapi* [tetapi] disebabkan terikat dengan Karangkraf dia *tak* [tidak] boleh *nak join kita orang* [hendak sertai kami]. *Tapi* [tetapi] kalau dari segi alternatif saya teringin sangat *nak* [hendak] kolaborasi dengan Faizal Tehrani lah.**

**NA : Kenapa?**

**AK : Sebab Faizal Tehrani *ni* [ini] seorang penulis yang -- *fisrt* [pertama] dia memang seorang penulis \_ \_ yang kedua saya boleh anggap dia sebagai *role model* [idola] ataupun idola saya dalam bidang bidang penulisan alternatif. Saya boleh**

samakan dia macam Ramli Awang Murshid yang tadi penulis yang saya kagumi. Sebab cerita-cerita dia memang cerita-cerita yang berani cerita-cerita yang kontroversi dan cerita dia memang lain daripada yang lain. Memang orang lain sebagai penulis *tak* [tidak] berani *nak* [hendak] buat.

IN : Bukan Faizal Tehrani yang ada setengah buku dia yang kena *banned* [diharamkan]?

AK : Ya betul. Antara buku dia yang kena *banned* [diharamkan] kalau *tak* [tidak] silap terlupa tajuk *tapi* [tetapi] bunyi dia macam ‘Anisa Naik Ke Langit’ macam *tu* [itu] lebih kurang lah. Dan setiap penulisan dia *tu* [itu] mesti ada kontroversi-kontroversi yang tersendiri dan bila saya tanya benda *tu* [itu] sebenarnya *tak* [tidak] terniat pun *nak* [hendak] buat kontroversi *tapi* [tetapi] orang pandang serong. Contohnya macam menganggap dia sebagai syiah lah menganggap dia sebagai murtad lah dan sebagainya. Padahal benda *tu* [itu] dia cuba sampaikan benda yang baik dan benda *tu* [itu] terjadi bila orang yang *narrow minded* [fikiran tertutup] baca lah dia cakap macam *tu* [itu].

IN : Tentang kolaborasi macam buku ‘Dendam Anak Jagoan’ Nami dengan Aisa Linglung. Apa pendapat Azwar, *dua* [2] penulis dalam *satu* [1] buku?

AK : Saya *tak* [tidak] baca lagi ‘Dendam Anak Jagoan’ *tu* [itu] sebab -- sebenarnya

kolaborasi *ni* [ini] akan jadi gempak sekiranya cerita *tu* [itu] bagus *tapi* [tetapi] saya *tak* [tidak] tahu ‘Dendam Anak Jagoan’ macam mana. *Tapi* [tetapi] bila kita tengok *dua* [2] nama Nami dan juga Aisa Linglung adalah *dua* [2] nama yang agak besar. Dan penerimaan ‘Dendam Anak Jagoan’ agak bagus. Sebenarnya untuk kolaborasi *ni* [ini] kita *tak* [tidak] boleh bergantung pada nama sangat. Bila kita terlalu bergantung pada nama, cerita kita akan jadi hambar dan cerita kita jadi hambar benda *tu* [itu] akan merosakkan nama kita untuk masa yang akan datang. Jadi untuk betul-betul mendapat kolaborasi yang baik, seperti kolaborasi antara Nami dan Aisa Linglung dia sendiri pastikan kolabiasi itu mempunyai cerita yang *best* [bagus] ada menarik dan juga orang yang menulis *tu* [itu] pun mempunyai gaya penulisan yang menarik dan sama *level* [tahap] dengan kita lah. Dan dari segi kolaborasi pula, kita kena pastikan penulis *tu* [itu] mempunyai gaya penulisan yang sama dengan kita. Kita *tak* [tidak] boleh *nak* [hendak] ambil penulis yang terlampau tinggi penulisan dia dan *nak combine* [hendak gabung] dengan kita akan nampak *dua* [2] perbezaan yang ketara. Kita *tak* [tidak] boleh juga ambil penulis yang terlampau bawah sebab nanti akan menjelaskan imej kita lah sebab kita ada dalam *satu* [1] buku dan dua-dua membawa nama yang sama dalam *satu* [1] buku *tu* [itu] membawa *dua* [2] nama. Dan kalau kita terlampau baik orang lain terlampau buruk benda *tu* [itu] akan jejasan nama kita. Dan kita juga kena *consider* [pertimbangkan] kalau kita terlalu buruk dan orang lain baik kita akan jejasan nama orang lain. Jadi untuk projek kolaborasi *ni* [ini] memang betul-betul ambil berat antara

cerita, penulis dan juga gabungan tersebut lah.

IN : *So [jadi] setakat ni [ini] Azwar ada tulis novel, cerpen ada tak [tidak] selain daripada tu [itu] puisi ke --*

AK : Dengan projek Terfaktab *ni [ini]* saya ada tulis macam antalogi cerpen, prosa, puisi dan sebagainya dan saya berkolaborasi dengan bekas *editor* [penyunting] Lejen Press.

IN : *So [jadi] buku tu dah [itu sudah] diterbitkan atau belum?*

AK : Sekarang masih dalam proses penerbitan maksudnya dari segi proses penilaian dan sebagainya dan buku *tu [itu]* inshaAllah akan dipasarkan dan diterbitkan tahun depan kut.

NA : **Ok apakah projek buku yang sedang encik usahakan ketika ini?**

AK : Saya sekarang tengah menulis sebuah buku politik *tapi* [tetapi] dari segi satira maksudnya dari segi macam mana *nak* [hendak] cakap satira *tu [itu] something* [sesuatu] yang *sarcasm* [sarkastik] dari segi *terms of quality* [terma kualiti]. *Tapi* [tetapi] bukan politik Malaysia *tapi* [tetapi] politik dunia di mana politik-politik dunia -- dan insyaallah buku *tu [itu]* akan dipasarkan bukan dari Lejen

Press.

IN : *So [jadi] setakat ni [ini] dalam bidang kerjaya Encik Azwar sendiri fokus dalam penulisan ataupun ada side project [projek sampingan] ke?*

AK : Dari segi *side project* [projek sampingan] selain daripada penulisan banyak bagi *talk* [ceramah] lah. Banyak bagi *talk* [ceramah] banyak bagi *motivation* [motivasi], bukan *motivation* [motivasi] sangat pun macam *encourage* [menyeru] orang untuk menulis dan sebagainya. Yang *tu je* [itu sahaja] lah kut yang projek-projek lain.

IN : *So talk tu, talk [jadi ceramah itu, ceramah] berbayar ataupun --*

AK : *Talk* [ceramah] berbayar. Setiap yang saya pergi *tu* [itu] akan dibayar lah ikut bilangan penonton lah atau bilangan peserta lah.

IN : *So [jadi] selalunya apa topik yang dikongsi?*

AK : Selalunya orang akan panggil *talk* [ceramah] untuk cerita pengalaman sebagai seorang penulis, macam mana *nak* [hendak] jadi penulis dan sebagainya. Yang *tu je* [itu sahaja] lah yang paling banyak dari segi *talk* [ceramah].

IN : *Tak de [tidak ada] macam cara-cara nak [hendak] menulis, tu [itu] bengkel kan?*

AK : *A'ah [ya] bengkel. Bengkel setakat ni [ini] saya tak [tidak] rancang lagi untuk buat bengkel saya sendiri. Cuma jemputan-jemputan untuk buat bengkel tu [itu] ada tapi [tetapi] terpaksa tolak sebab first [pertama] kekangan masa lah kedua [2] saya tak [tidak] yakin lagi dengan gaya penulisan saya macam mana. Saya tak [tidak] nampak pun frame work [rangka kerja] saya tu [itu] macam mana. Saya sendiri tak de [tidak ada] panduan untuk menulis. Saya hanya menulis menulis menulis dan ikut hati \_\_\_\_\_. Saya tak de satu [tidak ada 1] teknik ke, saya tak de satu [tidak ada 1] model acuan tu tak de [itu tidak ada] dalam bidang penulisan.*

IN : *So [jadi] macam bila sampai je kat [sahaja dekat] Shah Alam orang macam “eh Azwar!”? (Ketawa)*

AK : Pernah berlaku juga lah waktu -- saya tak [tidak] sangka juga lah rupa-rupanya ramai juga lah yang dekat tempat saya study tu [belajar itu] baca buku saya. Ada seorang lecturer tu [pensyarah itu] waktu perkenalkan diri, saya kenalkan diri “saya Mohamad Azwar \_\_\_\_” pastu lecturer tu [selepas itu pensyarah itu] “eh awak yang tulis novel BABI”. Mula-mula macam nak [hendak] sorokkan sebab saya macam tak nak [tidak hendak] tunjuk yang saya seorang penulis \_\_\_\_ pastu

[selepas itu] dia cakap “ye [ya] lah saya pernah minta tandatangan awak” ish terkejut lah (ketawa) *lecturer* [pensyarah] yang ajar saya *tu* [itu] pernah minta *sign* [tandatangan] saya. Semenjak *lepas tu* [selepas itu] saya memang *tak* [tidak] pernah *nak* [hendak] ponteng kelas lah. (Ketawa)

- NA : **Boleh encik kongsikan antara kejayaan yang encik sentiasa ingat dalam bidang --**
- AK : Kejayaan yang paling saya kecapi dalam bidang ini novel saya iaitu ‘Nasi Kangkang’ pernah dinobatkan sebagai novel terbaik ILuvNovel. Kemudian pernah masuk carta-carta *best seller* [jualan terbaik] di \_\_ dan sebagainya. Dan baru-baru *ni* [ini] cerita saya sebagai seorang penulis tersiar dalam akhbar ‘New York Times’, United State *tu* [itu] merupakan salah *satu* [1] kejayaan yang besar lah sekarang *ni* [ini]. Dan antara kejayaan besar yang lain saya rasa seperti novel saya menarik perhatian beberapa pihak stesen televisyen untuk diadaptasikan ke dalam filem dan juga drama *tapi* [tetapi] disebabkan saya rasa novel saya *tu tak* [itu tidak] patut dijadikan drama saya macam “*tak pe* [tidak apa] lah *tak yah* [tidak payah] lah dalam -- *masterpiece* [naskah] sedemikian”. Kemudian antara kejayaan-kejayaan lain seperti -- sebenarnya kejayaan yang paling besar saya kecapi adalah apabila pembaca *tu* [itu] membaca novel saya dan dia dapat apa yang saya sampaikan dan dia faham apa yang disampaikan dan akhir sekali dia akan cakap “Oh buku *ni* [ini] bagus dan saya harap penulis *ni* [ini] akan terus

menulis” itu adalah kejayaan paling besar saya lah.

NA : **So boleh encik berikan tips bagaimana untuk menjadi seorang penulis?**

AK : Ok sebenarnya saya menjadi penulis secara *tak* [tidak] sengaja dan saya *tak* [tidak] tahu apa tips saya *nak* [hendak] bagi. Cuma kalau *nak* [hendak] jadi seorang penulis dia *tak* [tidak] boleh lari dari membaca *by hook or by crook* [walaubagaimanapun] dia kena banyak membaca baru dia boleh *create satu* [cipta 1] penulisan dia sendiri. Maknanya *satu* [1] gaya penulisan dia sendiri yang mana bila orang baca “Ok *ni* [ini] penulis Azwar Kamaruzaman, penulis lain, penulisa lain”. Dan tips lain seterusnya banyak lah bertanya kepada orang-orang yang berpengalaman kalau *nak* [hendak] tanya saya pun boleh, saya akan cuba *try* [cuba] bagi berdasarkan pengalaman-pengalaman saya sebagai seorang penulis dan kalau *nak* [hendak] lagi impak *tu* [itu] lagi besar, kaji sendiri macam mana seorang penulis *tu* [itu] menulis baru kita akan tahu dan tahu lebih mendalam tentang penulisan seseorang penulis *tu* [itu].

NA : **Apakah ciri-ciri yang perlu dipunyai pada seorang penulis? Adakah semata-mata konsisten menulis?**

AK : Ok ciri-ciri untuk seorang penulis, saya -- kalau dalam bidang alternatif *ni* [ini] saya *tak* [tidak] nampak ciri-ciri yang *specific* [terperinci] untuk menjadi

seorang penulis sebab dalam bidang alternatif *ni sapa-sapa* [ini siapa-siapa] boleh jadi penulis. Hatta, orang yang zaman gelap dia buruk pun boleh jadi penulis, *tak* [tidak] kisah asalkan cerita dia *best* [bagus]. Bagi ciri-ciri seorang penulis samada konsisten ataupun *tak* [tidak] saya rasa, *tak* [tidak] perlu konsisten pun dari segi penulisan. Cuma seseorang penulis *tu* [itu] haruslah menulis bila dia ada cerita yang dia *nak* [hendak] sampaikan bukan menulis semata-mata untuk menjadi populariti ataupun mencari duit macam *tu* [itu] lah.

- NA : **Pada pandangan dan pengalaman encik, bagaimana pula potensi e-book dapat membantu penulis tempatan?**
- AK : Ok sebenarnya e-book *ni* [ini] berdasarkan pengalaman saya lah, e-book *ni* [ini] saya kurang suka sikit e-book sebab yang suka baca buku melalui e-book *tu* [itu] saya *tak* [tidak] nafikan bagus lah e-book *tu* [itu] kan sebab dapat jimatkan kertas dan sebagainya. *Tapi* [tetapi] bila kita membaca melalui e-book *ni* [ini], hilang *satu* [1] nikmat dunia iaitu bau buku *tu* [itu]. Sebab kebanyakannya bila saya jumpa pembaca-pembaca *just* [hanya] cakap dia beli buku antara sebab faktor pertama adalah sebab *first cover* [pertama kulit] dia lah *and then* [dan kemudian] tajuk dia *and then* [dan kemudian] cerita dia antara faktor lain adalah sebab bau buku. Bau kulit buku yang baru *tu* [itu] memang sangat-sangat harum. *So* [jadi] bila macam e-book *ni* [ini] dia hilang *satu* [1] nikmat *tu so* [itu jadi] macam -- e-book *ni* [ini] bagus sebenarnya *tapi* [tetapi] dari segi membantu

penulis sangat membantu sebab cerita *tu* [itu] mampu sampai kepada orang-orang yang *tak leh* [tidak boleh] beli buku mungkin yang jauh dari kedai buku *tapi* [tetapi] ada *smartphone* [telefon pintar] dan internet *dia orang* [mereka] boleh baca melalui e-book dan sebagainya.

NA : Apakah kepentingan memiliki blog sebagai seorang penulis?

AK : Oh saya pun baru ada blog iaitu azwarkamaruzaman.com setelah dipaksa oleh Ben Ashaari seorang *blogger* [penulis blog] yang agak *famous* [terkenal]. Dia cakap “Sebagai seorang penulis wajib ada lah seboleh-bolehnya ada blog *tu* [itu]”. Dan betul bila saya buat blog *tu* [itu] saya boleh melatih diri saya untuk penulisan sebab penulisan *ni* [ini] dia sebenarnya perlu diasah juga. Dia perlu dilatih dari segi penggunaan bahasa dan sebagainya dan bila saya ada blog *ni* [ini] saya banyak bercerita tentang diri saya dan saya boleh *practice* [berlatih] lah dari segi penulisan dan penulisan blog *ni* [ini] juga membantu saya dalam menghebahkan aktiviti-aktiviti harian saya dan aktiviti-aktiviti seorang penulis.

NA : Apakah kejayaan seorang penulis itu hanya diukur dengan berapa banyak buku yang mampu dijual?

AK : Ok kalau saya, saya *tak* [tidak] pernah ukur kejayaan saya dari segi berapa buku saya terjual sebab kalau saya katakan buku saya terjual sebanyak *lima puluh*

*ribu* [50,000], penulis lain ada yang *dah* [sudah] sampai *seratus ribu* [100 000], ada yang *dah* [sudah] sampai *dua ratus ribu* [200 000] dan kalau saya saya *tak* [tidak] pernah ukur bilangan jualan buku itu sebagai *satu* [1] kejayaan sebab ada orang lagi yang lagi hebat. Saya *tak* [tidak] pernah letak *target* [sasaran] berapa buku saya terjual. Sebenarnya saya mengharapkan buku saya *tu* [itu] dijual orang dapat apa yang saya tulis *tu je* [itu sahaja] kejayaan yang saya ukur.

NA : Apa komen kepada orang menganggap penulis ini bukan kerjaya sebenar.

*Tak* [tidak] boleh bagi makan anak bini. Patut makan gaji?

AK : Ok sebenarnya orang yang cakap macam *tu* [itu] -- kalau dia pernah menulis, mungkin dia *down* [kecewa] sebab karya dia *tak* [tidak] terjual. Dan kalau orang cakap macam *tu* [itu] orang yang -- dalam bidang penulisan dia *tak* [tidak] pernah masuk dalam bidang penulisan. Dan berdasarkan pengalaman saya sebagai seorang penulis dan dibayar royalti, saya rasa dengan royalti yang saya dapat sepanjang bergelar penulis saya rasa cukup kalau ada *lima* [5] orang *nak* [hendak] bagi makan pun *dah* [sudah] cukup *dah* [sudah] kan. Maksudnya *dah* [sudah] boleh pergi berjalan sana sini dan bidang penulisan *ni* [ini] memang boleh dijadikan sebagai salah *satu* [1] kerjaya sebab contohnya di dalam Lejen Press ada seorang penulis iaitu Nami, sekarang *ni* [ini] beliau merupakan seorang penulis sepenuh masa kepada Lejen Press dan pendapatan dia sebulan dia boleh *Maintain sepuluh ribu* [tetap 10 000]. So [jadi] maksudnya saya boleh

katakan kalau ada benda *best* [bagus] menarik dan *tak* [tidak] syok sendiri dan karya anda *tu* [itu] terjual, anda boleh jadikan penulisan *tu* [itu] sebagai *satu* [1] kerjaya anda lah.

### **TAMAT BAHAGIAN 3**

## **BAHAGIAN 4: PENCAPAIAN TOKOH**

**IN : Bercerita tentang pencapaian, apakah pencapaian tertinggi encik dalam bidang penulisan?**

**AK : Pencapaian tertinggi, seperti yang saya kata kan tadi -- cerita saya masuk dalam New York Times itu kejayaan-kejayaan agak besar lah sebab --**

**IN : Tu [itu] akhbar luar negara lah?**

**AK : Ha [ya] maksudnya akhbar utama Amerika Syarikat lah. Dan masuk seksyen -- tak [tidak] pasti masuk seksyen urban ke apa *tapi* [tetapi] diceritakan sedikit tentang perjalanan saya sebagai seorang penulis. Mungkin salah *satu* [1] petanda untuk saya ke peringkat lebih tinggi iaitu peringkat antarabangsa. Antara kejayaan-kejayaan lain seperti -- apabila jualan keempat-empat buku saya dicetak sebanyak *lima puluh ribu* [50 000] dalam masa *tiga* [3] tahun -- selama sepanjang saya seorang penulis. Kemudian antara kejayaan lain adalah apabila -- sampai sekarang saya masih memegang rekod sebagai penulis termuda Lejen Press. Itu pun saya rasa antara kejayaan saya lah. Dan sampai sekarang saya tertunggu-tunggu lah orang lain untuk memecah rekod tersebut. *Then* [kemudian] pencapaian lain saya rasa apabila buku saya masuk carta *best seller* [jualan terbaik] untuk Kinokuniya dan beberapa *book store* [kedai buku] yang lain seperti Times yang merupakan kedai-kedai buku bertaraf *international***

[antarabangsa]. Maksudnya ada orang-orang lain yang membeli buku saya selain daripada orang Malaysia sendiri lah.

IN : Boleh cerita *tak* [tidak] pengalaman macam mana yang tadi Encik Azwar cakap akhbar daripada New York Times datang temuramah. Adakah *dia orang* [mereka] daripada luar negara sendiri datang temu bual ke macam mana?

AK : Sebenarnya New York Times setiap negara dekat dunia *ni* [ini] dia ada wartawan dia sendiri. *Then* [kemudian] dekat Malaysia ada seorang wartawan New York Times yang *cover* [membuat liputan] tentang perjalanan Malaysia. Dan *satu* [1] hari *tu* [itu] dia datang dekat Lejen Press dia *nak* [hendak] *interview* [temubual] beberapa orang penulis. Dan Lejen Press telah memilih saya dan juga Nami untuk ditemubual dan saya rasa itu -- Dan *kita orang* [kami] temubual semua dan Ahad lepas baru cerita *kita orang* [kami] keluar dalam New York Times. Sebab apa yang *kita orang* [kami] bangga sangat sebab *tak de* [tidak ada] lagi syarikat-syarikat lain atau pun daripada media arus perdana yang masuk dalam akhbar-akhbar utama dekat *United State* [Amerika Syarikat].

IN : Apakah strategi encik terus kekal sebagai penulis buku *best seller* [jualan terbaik]?

